

GERAKAN PERKONGSIAN BESTARI KEPIMPINAN MALAYSIA

MASSA 16.8.2003

Oleh G. MANIMARAN

Yang membuat liputan Dialog Perkongsian Bestari di Swaziland, Selatan Afrika

DATUK Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu Gerakan Perkongsian Bestari diteruskan meskipun selepas beliau bersara daripada jawatan kerajaan dan parti dalam masa dua bulan lagi.

"Dialog Gerakan Perkongsian Bestari ini bukan kerana saya. Ia diadakan oleh Malaysia," kata Perdana Menteri kepada para wartawan sejurus tiba di Swaziland untuk menghadiri Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (Global-SAID 2003).

Dr. Mahathir merupakan pencetus idea Gerakan Perkongsian Bestari di arena antarabangsa lapan tahun lalu menerusi Dialog Antarabangsa Langkawi (LID).

Ketika ramai bimbang Gerakan Perkongsian Bestari akan kehilangan tenaganya selepas ini, Dr. Mahathir yang pernah memberikan komitmen untuk terus menjayakan Gerakan Perkongsian Bestari menegaskan, dialog berkenaan harus diteruskan demi kepentingan bersama negara-negara peserta.

Pendirian Dr. Mahathir itu dengan sendirinya menunjukkan bahawa Malaysia mahu idea perkongsian bestari diperkembangkan menjadi amalan seharian sama ada oleh orang perseorangan, ma-

syarakat awam, perniagaan dan negara-negara.

Aspek itu turut ditekankan oleh beliau dalam ucapannya sempena Global-SAID 2003 pada 13 Ogos lalu.

Misalnya, beliau mengemukakan pandangan bahawa formula menang-menang yang boleh memakmurkan jiran harus dimulakan di peringkat domestik untuk manfaat jangka panjang. Selepas kejayaan di peringkat kebangsaan, ia harus dirangkaikan ke peringkat antarabangsa.

Malaysia mempunyai pengalaman luas dalam membangunkan idea perkongsian bestari di peringkat kebangsaan menerusi kerjasama sektor swasta dan kerajaan, khususnya Majlis Perniagaan Malaysia dan Dasar Persyarikatan Malaysia.

Langkah itu diambil sejak pertengahan 1980-an khususnya ketika negara berhadapan dengan kemelesetan ekonomi.

Pendekatan itu dikembangkan sehingga ke hari ini dan ia terus kukuh dan menjadi mantap.

Dalam suasana ekonomi yang tidak adil dan tidak seimbang bagi negara-negara sedang membangun, formula perkongsian bestari merupakan kaedah terbaik untuk mengelakkan fenomena berkenaan.

Malaysia telah membuktikan hasil formula itu di kedua-dua peringkat antarabangsa dan kebangsaan.

Hasil itu diperolehi sama ada menerusi

sumbangan idea ataupun pelaburan Malaysia di negara-negara lain.

Gerakan Perkongsian Bestari berkembang daripada hanya satu konsep yang kecil kepada satu entiti yang terkenal di peringkat antarabangsa.

Daripada hanya pertemuan di Langkawi, ia diperluaskan ke peringkat antarabangsa khususnya di peringkat rantau Afrika dan Carribean. Malah, Gerakan Perkongsian Bestari juga telah melahirkan beberapa sayap yang berupaya memanfaatkan pelbagai pihak. Ia termasuklah rangkaian menteri-pegawai kanan, media, pekerja dan isu sosial.

Selain itu Malaysia juga telah mengusahakan penubuhan dana amanah Pakatan Pengurusan Teknologi Komanwel (CPTM) yang mempunyai nilai sasaran kutipan 11.8 juta pound sterling. Selepas idea itu dikemukakan pada Februari 2002, setakat ini kira-kira tujuh juta pound sterling telah dikutip. Ia akan digunakan untuk menjana pendapatan CPTM yang turut menyelia penganjuran Global-SAID 2003.

Ia merupakan sebahagian daripada keuntungan yang dapat dilihat hasil Gerakan Perkongsian Bestari.

Pengalaman dan kepakaran Malaysia merupakan sesuatu yang berharga dalam membantu negara-negara peserta meneladani formula perkongsian bestari. □